

16/01/2004

Keselamatan agenda utama PM, Thaksin

PUTRAJAYA: Memperkukuhkan aspek keselamatan termasuk menangani ancaman militan merentas sempadan dijangka menjadi agenda perbincangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan rakan sejawatnya, Thaksin Shinawatra dalam rangka lawatan sehari ke Thailand, hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kedua-dua negara berminat mengadakan kerjasama meningkatkan hubungan dua hala dalam bidang tertentu termasuk mencegah kegiatan militan seperti serangan kem tentera dan rampasan senjata di selatan Narathiwat, baru-baru ini.

Katanya, menerusi lawatan Perdana Menteri yang keempat ke negara Asean itu, kedua-dua pihak akan membincangkan perkembangan terkini bagi memperbaharui hubungan berterusan Malaysia-Thailand.

Mengenai ancaman militan di Selatan Thailand itu, Syed Hamid berkata, Malaysia sudah mengambil langkah tertentu bagi memastikan kejadian berkenaan tidak merebak ke negara ini.

"Saya fikir apa saja maklumat yang kita dapat ia akan digunakan untuk meningkatkan kawalan dan pemantauan lebih rapi di sempadan bagi memastikan tiada kesan limpahan terhadap kemasukan pengganas ke Malaysia.

"Malaysia mempunyai strategi jangka panjang untuk menangani isu keselamatan membabitkan kawasan sempadan. Malah Malaysia dan Thailand sentiasa bekerjasama mencegah isu berkenaan untuk kepentingan dan keselamatan kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan buku Mahathir: The Secret Of Malaysia Success (Mahathir: Rahsia Kejayaan Malaysia) nukilan Duta Bosnia Herzegovina ke Malaysia, Hajrudin Somun.

Buku berkenaan mengkaji kepimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun dan cara mengendalikan acara besar serta krisis semasa tempoh kepemimpinannya.

Buku yang turut menyentuh krisis ekonomi Asia dan perang Bosnia itu diterjemah daripada bahasa Bosnia ke bahasa Inggeris.

Hadir sama, Somun dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Syed Hamid yakin lawatan Abdullah dapat melahirkan suasana persefahaman yang lebih akrab kerana banyak kepentingan bersama antara Malaysia-Thailand termasuk dari segi barangan pertanian, eksport dan promosi pelancongan.

Beliau berkata, Malaysia dan Thailand juga dilihat cenderung untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

"Hasil pertemuan dua hala yang pernah dilakukan sebelum ini, Malaysia-Thailand mencapai banyak kesepakatan," katanya.

Hasil lawatan Perdana Menteri ke negara Asean lain, banyak pendekatan baru dicapai bagi membolehkan Malaysia meneruskan dasar luar negara serta mempererat hubungan sesama negara Asean.